**NO. SOALAN : 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]** |
| **TARIKH** | **:** | **26.11.2019 (SELASA)** |

**<u>SOALAN NO. 10</u>**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah rumah kampung dan rumah panjang yang telah dan akan dibaik pulih di Parlimen Tanjong Manis dalam tahun 2019. Apakah bantuan baik pulih ini masih diteruskan.

**<u>JAWAPAN</u>**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan usaha Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa kepada kumpulan sasar golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar. Program ini masih diteruskan bagi tahun 2019 di seluruh negara dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Keutamaan bantuan PPRT adalah bagi pembaikan atau pembinaan rumah individu / rumah kampung yang daif manakala bagi kategori rumah panjang, Kementerian hanya menumpukan kepada bantuan baik pulih sahaja dan dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah di Sarawak.

Sebanyak RM9.93 juta diperuntukkan untuk bantuan baik pulih rumah panjang daripada keseluruhan peruntukan baik pulih rumah di Sarawak berjumlah RM29 juta untuk tahun 2019. Pelaksanaan bantuan

ini diselaraskan bersama dengan pihak Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED).

Bagi Parlimen Tanjung Manis, Kementerian hanya menerima permohonan pembaikan dan bina baharu untuk rumah individu/ rumah kampung sahaja. Tiada permohonan untuk baik pulih rumah panjang diterima setakat ini. Pelaksanaan projek PPRT tahun 2019 bagi Parlimen Tanjung Manis melibatkan pembinaan rumah baharu sebanyak 8 unit dan pembaikan rumah daif individu / rumah kampung sebanyak 43 unit dengan peruntukan berjumlah RM1,125,000.00 iaitu sebanyak RM480,000.00 diperuntukkan untuk bina baharu dan sebanyak RM645,000.00 diperuntukkan untuk baik pulih. Kesemua projek tersebut masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada akhir tahun 2019.

Sekian, terima kasih.